

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN MANIVANAN A/L  
GOWINDASAMY [ KAPAR ]**

**TARIKH : 22 MAC 2016**

**SOALAN :**

**YB Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [ Kapar ] minta PERDANA  
MENTERI menyatakan :-**

- a) apakah langkah-langkah drastik yang telah diambil oleh beliau dan Jabatan Perdana Menteri untuk mematuhi titah Majlis Raja-Raja Melayu berkaitan dengan kenyataan yang dikeluarkan oleh Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja Melayu bagi pihak Raja-Raja Melayu, berkenaan dengan Mesyuarat Majlis Raja-Raja Melayu yang ke 239 pada 7 Oktober 2015; dan

- b) senaraikan secara terperinci situasi-situasi di mana Majlis Raja-Raja Melayu mengeluarkan titah mengenai pentadbiran negara dan keyakinan terhadap pemimpin sejak penubuhannya secara formal pada tahun 1948 apabila Persekutuan Tanah Melayu diwujudkan. Apakah akan berlaku sekiranya sesebuah pentadbiran tidak mematuhi titah Majlis Raja-Raja Melayu tersebut.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa mengambil berat dan menghormati titah Majlis Raja-Raja berkaitan sebarang isu dan perkara yang dibangkitkan serta diteliti dan diambil perhatian oleh Kerajaan. Tindakan-tindakan yang sewajarnya pula akan dilaksanakan mengikut lunas dan tanggungjawab serta peranan yang diperuntukkan oleh Perlembagaan.

Sekian, terima kasih.